


SYARAHAN
***MANZUMAT
AL-TARK***

HUKUM BAGI PERKARA YANG
TIDAK DILAKUKAN OLEH

RASULULLAH ﷺ

Dr. Abdullaah Jalil






SYARAHAN
MANZUMAT
AL-TARK

HUKUM BAGI PERKARA YANG
TIDAK DILAKUKAN OLEH

RASULULLAH ﷺ



SYARAHAN
MANZUMAT
AL-TARK

HUKUM BAGI PERKARA YANG
TIDAK DILAKUKAN OLEH

RASULULLAH ﷺ

DR. ABDULLAAH JALIL





WISDOM PUBLICATION NS0078217-W
No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,
Nilai Impian,
Nilai, Negeri Sembilan.
Email: wisdompublisher@gmail.com

Hak Cipta Terpelihara © 2024 Wisdom Publication

Edisi Pertama
Cetakan Pertama: Jun 2024

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Wisdom Publication (NS0078217-W) atau penulis.

Pencetak:

ZARASA ENTERPRISE,
001372482-A,
C-7-G, Jalan Jati 9, Acacia Avenue, Putra Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: +6019-282 6924
Email: zarasaenterprise@gmail.com

Firman Allah ﷻ (al-Nahl: 116):

﴿وَلَا تَقُولُوا لِمَا تَصِفُ أَلْسِنَتُكُمُ الْكَذِبَ هَذَا حَلَالٌ وَهَذَا حَرَامٌ لِّتَفْتَرُوا عَلَى اللَّهِ
الْكَذِبَ إِنَّ الَّذِينَ يَفْتَرُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ لَا يُفْلِحُونَ﴾

“Dan janganlah kamu berdusta dengan sebab apa yang disifatkan oleh lidah kamu: “Ini halal dan ini haram”, untuk mengada-adakan sesuatu yang dusta terhadap Allah; sesungguhnya orang-orang yang berdusta terhadap Allah tidak akan berjaya.”

Untuk ayahanda dan bonda yang dikasihi: Hj Jalil Omar and Hapisah
Ismail,

Untuk isteri yang dicintai: Dr. Suraiya Osman, dan anak-anak yang
disayangi: Abdurrahman al-Munib, Maryam al-Safiyyah, Sara al-
Ameena, Ibtisam al-Nafeesa dan Muhammad al-Habib.

Serta buat seluruh ahli keluarga dan umat Islam.

PRAKATA PENERBIT



Segala puji bagi Allah ﷻ, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ, ahli keluarga Baginda ﷺ, para sahabat Baginda ﷺ, serta seluruh ulama yang mewarisi ilmu Baginda ﷺ dengan penuh amanah dan hikmah.

Ammā ba‘d:

Dengan penuh rasa syukur dan penghargaan, Wisdom Publication mempersembahkan karya terbaharu hasil pena ilmiah Dr. Abdullaah Jalil bertajuk “Syarahan Manzumat al-Tark: Hukum Bagi Perkara Yang Tidak Dilakukan oleh Rasulullah ﷺ.” Buku ini hadir pada saat umat Islam amat memerlukan panduan yang jelas, mendalam, dan berautoriti dalam memahami salah satu disiplin penting dalam Usul Fiqh, iaitu konsep al-Tark, konsep yang sering disalahfahami sehingga menimbulkan kekeliruan, ketegangan, dan kesempitan dalam beragama.

Karya ini menonjolkan keistimewaan tersendiri melalui pendekatan syarah yang tersusun, mudah diikuti, dan berasaskan metodologi ilmiah yang kukuh. Dr. Abdullaah Jalil, sebagai seorang sarjana yang diiktiraf dalam bidang fiqh, mualat dan kewangan Islam serta manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah, membawa pembaca menyelusuri pemikiran para ulama’ muhaqqiqin berhubung konsep al-Tark, sekali gus menjelaskan batasan dan fungsinya dalam menentukan hukum syarak. Huraian beliau bukan sahaja menampilkan keluasan

pandangan ulama' terdahulu, malah menegaskan keindahan fiqah Islam yang bersifat adil, seimbang dan meraikan perbezaan yang sah dalam kalangan umat.

Dalam suasana masyarakat kini yang berdepan kecenderungan untuk menyempitkan makna ibadah, memperluas tuduhan bidaah, dan menghakimi amalan tanpa meneliti disiplin ilmu, buku ini tampil sebagai satu usaha pencerahan yang amat signifikan. Ia mengajak pembaca memahami agama secara matang, penuh adab, dan berasaskan kaedah ilmu yang diwariskan oleh ulama salaf dan khalaf.

Wisdom Publication percaya bahawa karya ini akan memberi manfaat besar kepada para penuntut ilmu, pengkaji, pendakwah, tenaga pengajar, dan masyarakat umum yang dambakan kefahaman agama yang sahih dan seimbang. Semoga buku ini menjadi jambatan ilmu yang memperkukuh perpaduan umat, meluaskan horizon kefahaman, dan mengangkat kembali nilai-nilai ilmu yang berteraskan kesederhanaan dan hikmah.

Akhir kata, kami merakamkan ucapan tahniah kepada Dr. Abdullaah Jalil atas usaha gigih menghasilkan karya bernilai tinggi ini. Semoga Allah ﷻ memberkati penulis, para pembaca, dan seluruh warga penerbitan yang terlibat dalam merealisasikan karya ini.

WISDOM PUBLICATION

Nilai, 2025.

PRAKATA PENULIS



Segala puji bagi Allah ﷻ, Tuhan yang menurunkan syariat-Nya dengan penuh hikmah dan kesempurnaan. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ, suri teladan agung sepanjang zaman, serta para sahabat dan ulama yang telah memelihara agama ini dengan ilmu, kefahaman dan adab.

Ammā ba‘d:

Buku ini, “Syarahan Manzumat al-Tark: Hukum Bagi Perkara Yang Tidak Dilakukan oleh Rasulullah ﷺ,” lahir daripada keperluan mendesak untuk menjelaskan salah satu konsep penting dalam Usul Fiqh yang sering disalahfahami, iaitu konsep al-Tark. Dalam beberapa dekad terakhir, fenomena penyempitan makna ibadah, penghukuman secara tergesa-gesa, dan peluasan istilah bidaah telah membawa kepada ketegangan dan perpecahan dalam masyarakat Muslim. Sebahagian masyarakat yang tidak mempunyai disiplin ilmu Syariah yang kukuh tidak lagi menghukum berdasarkan disiplin ilmu yang diwariskan ulama’, tetapi hanya semata-mata berdasarkan alasan rapuh dan salah dengan dakwaan sesuatu amalan itu tidak dilakukan oleh Baginda Nabi ﷺ, tanpa memahami sebab, konteks dan kaedah istinbatnya.

Atas kesedaran inilah, maka penulis mengambil inisiatif untuk mensyarahkan “Manzūmat al-Tark,” sebuah nazam ilmiah ringkas tetapi padat yang membahas prinsip-prinsip penting berkaitan

perbuatan yang tidak dilakukan oleh Rasulullah ﷺ, karangan al-Shaykh al-Hāfiẓ al-‘Allāmah ‘Abdullāh bin al-Ṣiddīq al-Ghumārī. Melalui syarahan ini, penulis berusaha menampilkan perbahasan para ulama’ muktabar berhubung batasan konsep al-Tark, peranan dan kedudukannya dalam hukum syarak, serta kesilapan metodologi yang muncul apabila al-Tark dijadikan hujah larangan tanpa penelitian ilmiah. Usaha ini juga bertujuan mengembalikan kefahaman bahawa syariat Islam itu luas, anjal dan meraikan perbezaan selagi tidak bercanggah dengan nas dan maqasidnya.

Penulis berharap karya ringkas ini dapat membantu para penuntut ilmu, asatizah, pendakwah, dan masyarakat umum memahami isu ini dengan lebih tenang dan beradab. Sesungguhnya, adab terhadap ilmu dan adab dalam berkhilaf adalah asas yang telah ditekankan oleh para ulama’, dan tanpa adab, ilmu itu hilang keberkatannya. Penulis juga berharap agar karya ini menjadi salah satu usaha kecil untuk merawat budaya cepat menghukum dan memecahbelahkan umat, serta menggantikannya dengan kefahaman berdasarkan ilmu, kasih sayang, dan kesederhanaan.

Akhir sekali, dengan penuh rendah diri, penulis merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan dorongan dan sokongan khususnya isteri penulis sepanjang proses penulisan dan penyusunan buku ini. Semoga Allah ﷻ menerima usaha ini sebagai amal soleh dan memberi manfaat kepada umat Islam di mana jua mereka berada. Ya Allah, terimalah dan berkatilah usaha yang kerdil dan penuh kekurangan ini.

Dr. Abdullaah Jalil

Nilai, 2025.

ISI KANDUNGAN

PRAKATA PENERBIT	i
PRAKATA PENULIS	iii
ISI KANDUNGAN	v
PANDUAN TRANSLITERASI	ix
PENDAHULUAN	1
LATAR BELAKANG AL-SAYYID ‘ABDULLĀH AL-ŞIDDĪQ AL-GHUMĀRĪ (W.1413H)	4
1.1 Nama	4
1.2 Nasab Keturunan	4
1.3 Kelahiran Dan Didikan	5
1.4 Para Guru	6
1.5 Para Murid	7
1.6 Kitab Dan Karangan	8
1.7 Kewafatan	9
1.8 Ensiklopedia	9
MATAN MANẒŪMAT AL-TARK	11
2.1 Rangkap 1	11
2.2 Rangkap 2	11
2.3 Rangkap 3	11
2.4 Rangkap 4	12
2.5 Rangkap 5	12
HAKIKAT YANG PERLU DIKETAHUI	13
3.1 Hakikat Pertama: Rasulullah ﷺ Tidak Melakukan Semua Perkara Yang Harus/ Halal	13
3.2 Hakikat Kedua: Rasulullah ﷺ Tidak Melakukan Semua Perkara Yang Sunat	14
RANGKAP 1 (A & B)	16

4.1 Definisi “al-Tark”	16
4.2 Perbincangan “Al-Tark” Yang Pertama di Kalangan Para Sahabat ﷺ	16
4.3 <i>Al-Tark</i> Tidak Termasuk Dalam Empat Belas (14) Sumber Hukum.....	19
4.4 Hukum Asas Bagi <i>Al-Tark</i> Adalah Harus	20
4.5 Faktor-Faktor al-Tark	21
4.5.1 Faktor Pertama: Adat dan Kebiasaan	21
4.5.2 Faktor Kedua: “Dilupakan”	22
4.5.3 Faktor Ketiga: Tidak Mahu Membebankan Umat.....	23
4.5.4 Faktor Keempat: Tidak Terlintas Di Fikiran.....	25
4.5.5 Faktor Kelima: Termasuk Di Dalam Makna Umum Nas Syariat.....	27
4.5.6 Faktor Keenam: Keadaan Masyarakat Yang Tidak Sesuai	29
RANGKAP 2 (A & B).....	31
5.1 Hujah Pertama: <i>Al-Tark</i> Bukan <i>Al-Nahy</i> (Larangan)	31
5.2 Hujah Kedua: <i>Al-Tark</i> Tanpa <i>Al-Nahy</i> (Larangan) Menunjukkan Hukum Tidak Haram	31
5.3 Hujah Ketiga: <i>Al-Tark</i> Mungkin Disebabkan Anjuran Umum Syariat Telah Wujud.....	33
5.4 Hujah Keempat: <i>Al-Tark</i> Mungkin Disebabkan Keadaan Yang Tidak Sesuai	34
5.5 Hujah Kelima: <i>Al-Tark</i> Bukan Asas Sunnah	35
5.6 Hujah Keenam: <i>Al-Tark</i> Bukan Satu Bentuk <i>Khiṭāb</i>	35
5.7 Hujah Kelapan: <i>Al-Tark</i> Mempunyai Banyak Kebarangkalian .	36
5.8 Hujah Kesembilan: <i>Al-Tark</i> Bukanlah Satu Tuntutan Atau Tegahan.....	36
RANGKAP 3 (A & B).....	37
6.1 Fitnah Pemikiran Simplistik (Bersikap Mudah) Dalam Pengeluaran Hukum Syariah	37
6.2 Fitnah Mengharamkan Perkara Yang Tidak Haram.....	39

6.3 Fitnah Menyempitkan Makna dan Bentuk Ibadah di dalam Syariat	40
6.4 Salah Faham Makna Bidaah Yang Parah	42
6.5 Menimbulkan Fitnah Pertelingkahan dengan Tuduhan Sesat Terhadap Umat Islam Yang Lain.....	44
RANGKAP 4 (A & B)	46
7.1 Pengharaman Dalam Bentuk “al-Nahy” (Larangan).....	46
7.1.1 Contoh 1: Larangan Mendekati Zina	47
7.1.2 Contoh 2: Larangan Memakan Harta Secara Batil.....	47
7.1.3 Contoh 3: Larangan Membunuh Tanpa Hak	49
RANGKAP 5 (A & B)	50
8.1 Pengharaman Dalam Bentuk Kejian (Al-Dzamm)	50
8.1.1 Contoh 1: Larangan Menipu	51
8.1.2 Contoh 2: Pembunuhan Tanpa Hak.....	51
8.2 Pengharaman Dengan Lafaz “al-Taḥrīm”	52
8.2.1 Contoh 1: Lafaz “Al-Taḥrīm” Dalam Al-Quran	53
RASULULLAH ﷺ MEMPERAKUI AMALAN-AMALAN BAIK YANG TIDAK DILAKUKAN BAGINDA ﷺ.....	55
9.1 Saidina Bilal ؓ: Solat Sunat Wuduk.....	55
9.2 Rasulullah ﷺ Memuji Lafaz Sahabat Memuji Allah ﷻ Ketika Iktidal	56
9.3 Rasulullah ﷺ Memuji Pujian Indah Seorang Sahabat di Awal Solat	58
9.4 Rasulullah ﷺ Menghadihkan Emas Kepada Seorang Arab Badwi Yang Memuji Allah Dengan Pujian Yang Indah.....	59
9.5 Rasulullah ﷺ Memperakui Seorang Sahabat Yang Suka Mengkhatamkan Bacaannya Di Dalam Solat Dengan Surah Al-Ikhlās	62
9.6 Rasulullah ﷺ Memperakui Perbuatan Seorang Sahabat Yang Suka Membaca Surah Al-Ikhlās Pada Setiap Rakaat Solat.....	63
9.7 Rasulullah ﷺ Memperakui Saidina Abū Sa‘īd al-Khudrī ؓ Yang Merawat Pesakit Dengan Surah Al-Fātiḥah	65

9.8 Rasulullah ﷺ Menerangkan Fadilat Puji-Pujian Seorang Sahabat Baginda ﷺ Di Dalam Solat	67
9.9 Rasulullah ﷺ Tidak Melarang Para Sahabat رضى الله عنه Bertalbiyah Dengan Tambahan Lafaz Pilihan Mereka Sendiri	68
9.10 Doa Seorang Sahabat رضى الله عنه Yang Dipuji Oleh Rasulullah ﷺ (i)..	69
9.11 Doa Seorang Sahabat رضى الله عنه Yang Dipuji Oleh Rasulullah ﷺ (ii).	70
9.12 Saidina Khubayb رضى الله عنه: Solat Sunat Sebelum Hukuman Bunuh	72
9.13 Tambahan: Athar Saidina ‘Alī رضى الله عنه: Solat Duha Secara Beramai-Ramai Di Masjid	73
DUA KAEDAH USUL FIQH YANG PERLU DIFAHAMI BERSAMA KONSEP <i>AL-TARK</i>.....	75
10.1 Kaedah Pertama: Perkara Yang Harus Ditinggalkan Menunjukkan Ia Bukan Perkara Wajib	75
10.2 Kaedah Kedua: Tiada Penerangan Pada “Maqām Al-Bayān” Menunjukkan Pengkhususan.....	78
KESIMPULAN	81
11.1 Pertama: Hukum Asal Sesuatu Perkara Yang Tidak Dilarang ialah Harus.....	81
11.2 Kedua: Alasan <i>Al-Tark</i> Semata-Mata Tidak Boleh Dijadikan Hujah Haram Atau Makruh	82
11.3 Ketiga: Penghujahan Bahawa “Segala Yang Tidak Dilakukan Nabi ﷺ Adalah Bidaah” Adalah Tertolak Menurut Akal Dan Syariat	82
PENULIS.....	85
BIBLIOGRAFI.....	89


PANDUAN TRANSLITERASI

'	ء
b	ب
t	ت
th	ث
j	ج
ḥ	ح
kh	خ
d	د
dz	ذ
r	ر
z	ز
s	س
sh	ش
ṣ	ص
ḍ	ض

da	دَ
du	دُ
dī	دِي
al-Taḳī	التَّقِيُّ

ṭ	ط
ẓ	ظ
‘	ع
gh	غ
f	ف
q	ق
k	ك
l	ل
m	م
n	ن
h	هـ
h	ة
w	و
y	ي


di	دِ
dā	دَا
dū	دُو
Taḳiyy al-Dīn	تَقِيُّ الدِّينِ




BIBLIOGRAFI

- 'Ali Jumu'ah. (2005). Al-Bayan Lima Yashgal/ Yushghil al-Adhhan. Al-Muqatam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- 'Abd al-Razzāq al-San'ānī. (1403H). al-Muṣannaf. al-Maktab al-Islami.
- Abū Dāwud, Sulaymān al-Sijistānī. (2010). Sunan Abī Dāwud. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abū Ya'lā al-Mawṣilī. (1992). Musnad Abī Ya'lā al-Mawṣilī. al-Thaqāfah al-'Arabiyyah.
- Aḥmad, Ibn Ḥanbal. (1995). al-Musnad. Mu'assasat al-Risālah.
- al-Bayhaqī, Abu Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn. (2000). al-Sunan al-Kubrā. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bazzār, Abū Bakr. (1997). al-Baḥr al-Zakḥkhār bi Musnad al-Bazzār. Maktabat al-'Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Bukhārī, Muḥammad Ismā'īl. (1999). Ṣaḥīḥ al-Bukhārī. Dar al-Salām.
- al-Dāraquṭnī, 'Alī 'Umar. (2004). Sunan al-Dāraquṭnī. Mu'assasat al-Risālah.
- al-Dārimī, 'Abdullāh 'Abdurrahmān. (2000). Sunan al-Dārimī. Dār al-Mughnī li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- al-Ghumari, Abdullah Ibn al-Siddiq (2002). Husn al-Tafahhum wa al-Dark li Mas'alat al-Tark. Maktabat al-Qahirah.
- al-Ḥākim, Ibn al-Bayyī' al-Naysabūrī. (1990). al-Mustadrak 'alā al-Ṣaḥīḥayn. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Haythamī, Nūr al-Dīn. (1979). Kashf al-Astār 'an Zawā'id al-Bazzār. Mu'assasat al-Risālah.
- al-Nasā'ī, Aḥmad Shu'ayb. (1986). al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan. Maktab al-Matbū'āt al-Islāmiyyah.
- al-Ṭabarānī, Sulayman Ahmad. al-Mu'jam al-Awsaṭ. Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-Ṭabarānī, Sulayman Ahmad. Musnad al-Shāmiyyīn. Mu'assasat al-Risālah.
- al-Ṭabarānī, Sulaymān Aḥmad. al-Mu'jam al-Kabīr. Maktabat al-'Ulūm wa al-Ḥikam.

- al-Tirmidzī, Muḥammad ‘Isā. al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī). Maktabat al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī‘.
- Ibn Abī Shaybah. (2004). Muṣannaf Ibn Abī Shaybah. al-Rushd.
- Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, Aḥmad ‘Alī. (1998). al-Maṭālib al-‘Āliyah bi Zawā’id al-Masānid al-Thamāniyah. al-Mamlakah al-‘Arabiyyah al-Sa‘ūdiyyah.
- Ibn Ḥibbān, Muḥammad. (1993). Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān. Mu‘assasat al-Risālah.
- Ibn Khuzaymah. Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah. al-Maktab al-Islami.
- Ibn Mājah, Muḥammad Yazīd Qazwīnī. (2010). Sunan Ibn Mājah. Dār Iḥyā‘ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Mālik, Anas al-Madanī. (1985). al-Muwatṭa‘. Dār Iḥyā‘ al-Turāth al-‘Arabī.
- Muslim, Ibn al-Ḥajjāj. (2006). al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim. Dār Ṭaybah.
-





Buku ini merupakan sebuah karya ilmiah yang membahaskan secara mendalam salah satu konsep penting dalam disiplin Usul Fiqh, iaitu al-Tark, perbahasan mengenai hukum bagi sesuatu amalan yang tidak dilakukan oleh Nabi Muhammad ﷺ. Dalam konteks semasa, konsep ini sering disalahfahami sehingga membawa kepada penyempitan makna ibadah, kekeliruan dalam penentuan hukum, dan pertelingkahan sesama umat Islam. Buku ini tampil bagi meluruskan kefahaman tersebut dengan memberikan huraian ilmiah, beradab dan berautoriti berdasarkan manhaj para ulama' muktabar. Karya ini menghimpunkan dalil-dalil Sunnah, pandangan para ulama muktabar mengenai sebab, bentuk, dan implikasi al-Tark dalam penetapan hukum syarak. Penulis menjelaskan bahawa ketiadaan perbuatan Nabi ﷺ bukanlah bukti larangan secara mutlak, bahkan ia memerlukan penelitian terhadap konteks, 'illah, dalil umum, maqasid syariah dan kaedah-kaedah Usul Fiqh yang relevan. Buku ini turut mengkritik pendekatan sesetengah kelompok yang menjadikan al-Tark sebagai asas pengharaman dan tuduhan bidaah, sehingga menyesatkan amalan-amalan sunat, perkara-perkara khilafiyyah, dan tradisi yang diterima majoriti ulama' selama berabad-abad. Selain mengangkat kembali keluasan syariat Islam, buku ini menekankan keperluan adab dalam berkhilaf dan pentingnya memahami agama melalui disiplin ilmu yang mantap, bukan sekadar berdasarkan alasan ketiadaan perbuatan Baginda Nabi ﷺ. Secara keseluruhannya, karya ini berusaha mengembalikan kefahaman bahawa Islam ialah agama rahmah yang luas, fleksibel, dan meraikan perbezaan selama tidak bercanggah dengan prinsip syarak. Dengan itu, buku ini bukan sekadar menyampaikan syarah terhadap sebuah manzumat, tetapi turut menawarkan pencerahan terhadap isu yang sering menjadi sumber kekeliruan dan perpecahan dalam masyarakat.

Dr. Abdullaah Jalil merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan. Beliau turut memainkan peranan sebagai ahli Jawatankuasa Syariah di dalam industri perbankan Islam, takaful, retakaful, koperasi dan wakaf sejak 2012 sehingga ke hari ini. Beliau juga merupakan ahli Panel Syariah USIM sejak ia ditubuhkan, salah seorang penyelidik fatwa bagi Jabatan Mufti Negeri Sembilan sejak tahun 2016, Felo Nadwah Ahli Sunnah Wal Jamaah di Jabatan Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan dan Ahli Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Negeri Pahang. Beliau juga terlibat di dalam bidang Deradikalisasi dan PCVE (Kefahaman Agama) sejak tahun 2008 dan pernah dianugerahkan anugerah "Friends of the Police" pada Hari Polis Kebangsaan 2012 kerana sumbangan beliau di dalam bidang ini.